

Pembangking 22 NOV 1989 tanaman perasaan 36 rakyat benci Melayu kaya

KUALA LUMPUR 21 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan sikap buruk pemimpin pembangkang kerana terus berusaha menanam perasaan dengki dan kebencian rakyat terhadap orang Melayu yang kaya-raya hasil Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Perdana Menteri berkata, sikap itu menjadi bahaya kerana apabila tidak ada orang Melayu yang kaya, maka akan timbul perasaan dengki pula kepada kaum lain dan boleh mencetuskan pergaduhan.

“Jenis orang Melayu macam ini adalah pengkhianat kepada bangsa,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran manifesto Barisan Nasional (BN) yang bertema *Malaysia Bebas Sepadu Maju*, di sini malam ini.

Menurut beliau, pemimpin pembangkang itu akan menuduh kerajaan mempunyai kroni apabila terdapat orang Melayu yang kaya.

Jelas beliau, orang-orang Melayu yang kaya adalah lahir daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Katanya, dalam masa yang sama kerajaan membuktikan kebebasannya kerana membenarkan bukan Melayu untuk menambah kekayaan mereka.

“Tetapi kita bukan ikut cara Robin Hood curi harta orang kaya untuk orang miskin,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan pimpinan BN sentiasa menghormati prinsip kebebasan, termasuk membiarkan orang Pas menuduhnya tidak sembahyang subuh.

Tambahnya, akhbar *Harakah* milik pembangkang Pas yang tidak ada permit Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga bebas dijual, tapi kerajaan BN tidak menutup atau menangkap pemiliknya.

“Pihak pembangkang juga bebas mengecam kerajaan dan buat tuduhan ‘libel’ yang boleh ditangkap, tetapi mereka tidak ditangkap kerana kerajaan kita beri peluang kebebasan politik,” katanya.

Dr. Mahathir berharap agar rakyat dapat berfikir dengan waras bagi mengekalkan pemerintahan kerajaan BN yang lebih mengutamakan kebebasan berbanding dengan pembangkang yang mengamalkan politik perkauman dan menjurus kepada kekerasan.